

**KENYATAAN MEDIA**

14 April 2016

**FTK Johan Keseluruhan Sukan Pelajar Antara Pusat Pengajian**

Pauh Putra, 14 April: Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Antara Pusat-Pusat Pengajian Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 2016 yang berlangsung pada 1 hingga 3 April baru-baru ini.

FTK meraih enam emas, empat perak dan dua gangsa dengan pingat emas diperolehi melalui acara Tenis Campuran, Petanque (Wanita), Bola Jaring (Lelaki), Bola Jaring (Wanita), Bola Tampar (Lelaki) dan Bola Tampar (wanita).

Tempat kedua pula dimenangi Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Mikroelektronik dengan kutipan empat emas yang diraih melalui acara Petanque (Lelaki), Woodball (Lelaki), Woodball (Wanita) dan Bola Sepak 9'S selain tiga perak dan empat gangsa.

Manakala tempat ketiga diraih PPK Pembuatan dengan kutipan dua emas, empat perak dan satu gangsa.

Sebanyak 19 acara dipertandingkan pada Kejohanan Sukan Antara Pusat-Pusat Pengajian Universiti Perlis (UniMAP) 2016 yang disertai 11 pusat pengajian.

Kejohanan yang berlangsung di Stadium Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, UniMAP itu dianjurkan bertujuan bagi membudayakan sukan di kalangan pelajar UniMAP di samping mengeratkan hubungan dikalangan pelajar.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Mohd Basri Basir ([mbasri@unimap.edu.my](mailto:mbasri@unimap.edu.my))**

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP